

22 APR 1996

Mahathir - Rasuah

TIADA KERAJAAN BEBAS DARIPADA RASUAH, MALAYSIA TIDAK TERKECUALI

Oleh: Salbiah Said

MALTA, 22 April (Bernama) -- Tiada kerajaan di dunia yang bebas daripada amalan dan dakwaan rasuah dan Malaysia juga tidak terlepas, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ada pepatah menyebut kuasa membawa gejala rasuah, semua kerajaan rasuah, tetapi rasuah ada tahapnya. Seseengah kerajaan terlampau rasuah sehingga tiada apa yang dapat dilakukan," kata beliau pada Persidangan kedua Persatuan Komanwel bagi Pentadbiran dan Pengurusan Awam (CAPAM) di sini hari ini.

Beliau mengulas komen dari seorang wakil mengenai ucapan dasarnya apabila beliau mengkritik seseengah pihak di negara maju yang membuat anggapan bahawa kerajaan Komanwel adalah berlebihan, cuma merupakan sekumpulan pegawai yang mengamalkan rasuah.

Dalam ucapan dasarnya, Dr Mahathir berkata ada juga yang menganggap kerajaan-kerajaan Komanwel mengandungi ahli politik yang bertindak sebagai penghalang kepada kebebasan rakyat mereka.

Perwakilan dari 51 negara anggota menghadiri persidangan empat hari itu yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Malta, Dr Edward Fenech-Adami di sini hari ini.

Menurut Dr Mahathir, rasuah terdapat dalam pelbagai cara, orang membuat tuduhan terhadap kerajaan dan seseengah daripadanya sukar dibuktikan dan dalam kebanyakan kes, terdapat motif politik terutama dari parti pembangkang.

"Dan yang peliknya, apabila kerajaan atau seseorang itu dituduh, kerajaan berkenaan atau orang itu terus didakwa," kata beliau.

Satu-satunya cara untuk membendung rasuah, katanya ialah menanamkan rasa takut kepada Tuhan, orang biasanya takut kepada tuhan, walaupun bukan selalu, tetapi ada ketikanya, ia dapat membantu. Di Malaysia, kerajaan cuba menggunakan demokrasi ke tahap maksimum.

"Jika anda terus menghantui mereka, kerajaan baru yang berkuasa akan menghadapi masalah yang sama dan tiada penyelesaian. Dasar-dasar kerajaan tidak akan dilaksanakan dan negara tidak dapat mencapai pertumbuhan dan persaingan," kata beliau.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh wakil lain mengenai perkongsian antara kerajaan dan sektor swasta, Dr Mahathir berkata, Persyarikatan Malaysia, konsep berdasarkan kejayaan Jepun ialah satu cara bagi membendung rasuah.

"Di bawah konsep Persyarikatan Malaysia, pihak swasta memperolehi kontrak dari kerajaan secara terbuka dan "bukan secara gelap", kata beliau.

"Jika konsep ini berjaya di Jepun, maka ia juga akan berjaya di Malaysia, dengan 30 peratus dari keuntungan syarikat-syarikat ini diambil oleh kerajaan melalui cukai korporat.

Dalam ucapan dasarnya, Dr Mahathir berkata "adalah menguntungkan untuk bekerjasama dengan pihak swasta," bantu mereka untuk berjaya dan membuat keuntungan. Kerajaan mengutip cukai dari rakyat untuk membiayai pentadbiran, dan membayar gaji kakitangan awam.

Menurut beliau, kerajaan Malaysia sekarang menggalakkan kakitangan awam supaya bekerja kuat supaya mereka akan mendapat imbuhan dari segi bonus.

Kerajaan perlu memberi perhatian kepada dasar-dasar dan arah aliran untuk mempermudah inisiatif pihak swasta, katanya.

Sehingga ini, 100 entiti kerajaan telah diswastakan, sebagai contoh Telekom Malaysia Bhd. Sebelum syarikat itu diswastakan ia biasanya membayar

sehingga RM200 juta untuk membiayai kakitangannya, tetapi tahun lepas ia mencatatkan keuntungan RM2,000 juta.

"Tentunya, kita tidak menjual semuanya sekali. Sebanyak 70 peratus saham telekom masih milik kerajaan.

Kita membiarkan sektor swasta menjalankan perniagaan mereka, tetapi kerajaan masih diperlukan. Di Malaysia, kita mahukan kerajaan yang berfungsi sebagai kerajaan." kata beliau.

Seorang anggota delegasi Malaysia yang tidak mahu dinamakan berkata kemudian, kebolehan Malaysia untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan inflasi di bawah empat peratus dan mencapai penggunaan tenaga kerja yang penuh menunjukkan negara berjaya mengawal gejala rasuah.

Kata beliau, hanya apabila sesebuah negara berjaya mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi pelaburan dan menggalakkan persaingan baru gejala rasuah boleh diatasi.

Dr Edward yang menarik perhatian kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh para wakil berkata sebelum beliau mengambil alih sembilan tahun lalu, dakwaan rasuah berleluasa.

Beliau berkata apabila dakwaan dibuat, kerajaan selkarang di bawah kepimpinannya akan memikul tanggungjawab kerana beliau telah memberi jaminan kepada rakyat bahawa kerajaan harus bertanggungjawab atas tindakannya.

Beliau berkata, mendapatkan kesen import ialah satu daripada amalan yang terdedah kepada rasuah tetapi mujurlah sekarang ini ada dasar perlinbdungan perdagangan yang mengurangkan amalan itu.

Menurutnya, kerajaan malta sedang melaksanakan pembaharuan ekonomi seperti membina hospital dan infrastruktur baru, menyebabkan kontrak ditawarkan kepada sektor swasta.

"Setiap tuduhan mengenai penyelewengan dalam menawarkan tender kerajaan akan ditangani dan dibincangkan di Parlimen. Kami tidak melenyapkan suara pembangkang," kata beliau.

Rakyat Malta juga boleh menyemak fail-fail kerajaan, kata beliau kerana tidak ada apa yang hendak disembunyikan.

Jumaat lepas, kerajaan memperkenalkan Akta Interpretasi yang membuka jalan bagi ketelusan, ia perlu menjelaskan kepada rakyat mengenai proses membuat keputusan. "Kita perlu memandang berat tanggapan umum."

Suruhanjaya akan menyiasat semua dakwaan - ia melaporkan kepada Menteri Keadilan. -- BERNAMA

SS FAZ